



SIARAN MEDIA

MAKLUMAN PENANGGUHAN SEMENTARA KEBENARAN KEMASUKAN DAN KELUAR NEGERI BAGI REPUBLIK INDIA

Bandar Seri Begawan, Selasa, 27 April 2021

Berikutan situasi jangkitan COVID-19 di Republik India yang mendapati sejenis varian atau *strain virus* baharu yang lebih mudah berjangkit dan telah menyebabkan merebaknya jangkitan COVID-19 dengan pantas di beberapa kawasan di republik tersebut yang mencatatkan kadar kematian dan jangkitan tertinggi yang pernah direkodkan dalam mana-mana negara di dunia bagi tempoh 24 jam sejak wabak itu bermula pada akhir tahun 2019.

Dengan ini, pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa **penangguhan sementara kebenaran kemasukan warganegara asing yang berlepas daripada atau melalui Republik India DAN perjalanan keluar negeri menuju ke India selama empat (4) minggu yang bermula hari Selasa, 27 April 2021 sehingga hari Isnin, 24 Mei 2021**, bagi perkara-perkara berikut:

- 1- **Perjalanan masuk semua warganegara asing yang berlepas dari atau melalui mana-mana lapangan terbang di India (*direct flight*);**
- 2- **Perjalanan warganegara asing yang berlepas dari India dan memasuki Negara Brunei Darussalam secara *transit*, dan**
- 3- **Perjalanan keluar dari Negara Brunei Darussalam ke India** atas apa jua sebab atau urusan kecuali warganegara asing yang memegang pas pekerjaan atau pas tanggungan **yang mana telah dibatalkan** ATAU pemegang '*Special Authorization Work Pass*' atau '*Professional Visit Visa*' yang mana tidak memerlukan kebenaran keluar negeri daripada Jabatan Perdana Menteri.

Manakala bagi warganegara asing yang telah diberikan kebenaran awal untuk memasuki negara ini dari India pula, kebenaran tersebut adalah ditarik balik sehingga satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian, tertakluk kepada penilaian lanjut.



Syarat-syarat bagi pertimbangan keluar masuk yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada penelitian Jawatankuasa Pandu Hal Ehwal Rentas Sempadan dari semasa ke semasa. Bagi sebarang maklumat lanjut dan terperinci, bolehlah menghubungi *travel hotline* di talian **120** semasa waktu bekerja.

JABATAN PERDANA MENTERI

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

14 Ramadhan 1442
27 April 2021



MEDIA RELEASE

TEMPORARY SUSPENSION ON TRAVELLING TO AND FROM THE REPUBLIC OF INDIA

Bandar Seri Begawan, Tuesday, 27th April 2021

Following the on-going situation of COVID-19 in Republic of India where a new variant or strain of the virus was found to be more contagious and has led to the rapid spread of COVID-19 infection in some areas of the republic – which recorded the highest mortality and infection rates ever recorded in any country in the world for the 24-hour period since the outbreak began in late 2019.

In this regard, with the consent of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, the Prime Minister's Office would like to inform the public on **the temporary suspension of approvals on the entry for foreign nationals departing from or through the Republic of India AND exit-country approvals to India commencing Tuesday, 27th April 2021 until Monday, 24th May 2021**, which applies to **entry travels of all foreign nationals departing from or through any airport in India (direct flight) including transits through Brunei Darussalam**; and **exit-country travels from Brunei Darussalam to India** for any reason or business matters except for foreign nationals who hold an employment or dependent's pass **which have been revoked/cancelled** OR the holders of the 'Special Authorization Work Pass' or 'Professional Visit Visa' who do not require exit-country approvals from the Prime Minister's Office.

In addition, the temporary suspension also applies to foreign nationals who have been granted pre-approvals to enter Brunei Darussalam from India via pre-authorized flights, which have therefore been suspended.

The conditions for the consideration of entry and exit travel mentioned above are subject to review by the Cross-Border Affairs Steering Committee from time to time. For further information and details, please contact our operators at the travel hotline [120](tel:120) during working hours.

PRIME MINISTER'S OFFICE

Jalan Perdana Menteri

Bandar Seri Begawan BB3913

Brunei Darussalam

14th Ramadhan 1442 / 27th April 2021